

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian sama ada tanah dan iklim di Sarawak sesuai untuk penanaman durian Musang King.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pokok durian termasuk varieti Musang King sesuai ditanam di atas pelbagai jenis tanah dan jenis tanah lom liat berpasir. Jenis tanah sedemikian sangat sesuai untuk pertumbuhan dan penghasilan buah yang berkualiti kerana mempunyai saluran yang baik. Sistem saluran yang tidak sempurna hendaklah dielakkan kerana akar durian sangat sensitif terhadap air yang bertakung. Ia akan menggalakkan serangan penyakit akar dan batang. Tanah yang mempunyai pH 5.5 hingga 6.5 dan kawasan yang cerun landai dan rata juga baik untuk penanaman durian dengan kecerunan tanah antara 0-25 darjah. Kecerunan melebihi 25 - 30 darjah perlu mengikut panduan pengurusan tanah bercerun.

2. Secara umumnya penanaman durian di Sarawak adalah di kawasan tanah jenis lom dan buat masa ini Jabatan Pertanian Sarawak sedang membuat kajian khusus untuk mengkaji prestasi pertumbuhan durian varieti Musang King di Sarawak.

3. Sehubungan itu, selaras dengan usaha untuk membantu petani di negeri Sarawak bagi menjadikan tanaman Durian Musang King sebagai tanaman komersial yang boleh menjana pendapatan lumayan, Jabatan Pertanian Sarawak telah mewujudkan empat plot kajian di Stesen dan Pusat Latihan Pertanian pada tahun 2019. Plot-plot kajian ini terletak di Stesen Penyelidikan Semongok (Kuching), Stesen Penyelidikan Kabuloh (Miri), Stesen Pertanian Bersepadu Layar (Betong) dan Pusat Latihan Pertanian Sg. Sebiew (Bintulu) bagi tujuan pemerhatian dan mengumpul data prestasi pertumbuhan durian varieti Musang King.

Sekian, terima kasih.